



Majlis Ugama Islam Singapura

Khutbah Jumaat

28 Ogos 2015 / 13 Zulkaedah 1436

**Menerapkan Nilai-Nilai Ketakwaan Dalam Kehidupan**

الْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ، الَّذِي بَعَثَ مُحَمَّدًا بَشِيرًا وَنَذِيرًا  
وَدَاعِيًا إِلَى اللَّهِ وَسِرَاجًا مُنِيرًا. أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا  
شَرِيكَ لَهُ، وَأَشْهَدُ أَنَّ سَيِّدَنَا مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ. اللَّهُمَّ صَلِّ  
وَسَلِّمْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَأَصْحَابِهِ وَالتَّابِعِينَ، صَلَاةً  
وَسَلَامًا دَائِمِينَ مُتَلَازِمِينَ إِلَى يَوْمِ الدِّينِ. أَمَّا بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ اللَّهِ،  
اتَّقُوا اللَّهَ، أَوْصِيْ وَنَفْسِيْ وَإِيَّاكُمْ بِتَقْوَى اللَّهِ فَقَدْ فَازَ الْمُتَّقُونَ.

Sidang jemaah yang dirahmati Allah,

Pada hari Jumaat yang penuh barakah ini, marilah sama-sama kita bertakwa kepada Allah s.w.t dengan ketakwaan yang sebenar. Di mana sahaja kita berada dan dalam apa jua keadaan, ingatlah bahawa Allah Maha menyaksikan perbuatan kita, bahkan Maha mendengar bisikan hati kita. Oleh itu, Nabi s.a.w. berpesan: *“Bertakwalah kepada Allah di mana pun kamu berada, dan hendaknya setelah kamu melakukan keburukan kamu susulilah pula dengan kebaikan yang akan memadam keburukan itu. Bergaullah dengan orang lain dengan akhlak yang baik”*. [Hadith riwayat Imam At-Tirmizi]

Inilah bentuk ketakwaan yang kita inginkan. Ketakwaan yang memastikan hati seorang Mukmin selalu sedar akan Allah, dan segan serta malu untuk mengingkari PenciptaNya dengan maksiat, tidak kira tempat ataupun masa. Kita tidak mahu ketakwaan yang hanya menjelma apabila ada orang bersama kita, tetapi pudar dan sirna apabila orang itu beredar pergi. Kita inginkan ketakwaan yang menjadikan kita insan yang ingin melaksanakan kebaikan serta menyebarkan keadilan dan kedamaian di mana saja kita berada, sesuai dengan firman Allah s.w.t. di dalam surah An-Nahl ayat 97:

مَنْ عَمِلَ صَالِحًا مِّنْ ذَكَرٍ أَوْ أُنْثَىٰ وَهُوَ مُؤْمِنٌ فَلَنُحْيِيَنَّهٗ  
حَيٰوةً طَيِّبَةًۦ وَلَنَجْزِيَنَّهُمْ أَجْرَهُم بِأَحْسَنِ مَا كَانُوا  
يَعْمَلُونَ ﴿٩٧﴾

Yang bermaksud: *“Sesiapa yang beramal soleh dalam keadaan dia beriman, sama ada lelaki atau perempuan, maka sesungguhnya Kami akan menghidupkan dia dengan kehidupan yang baik; dan sesungguhnya Kami akan membalas mereka, dengan memberikan pahala yang lebih baik daripada apa yang mereka telah kerjakan”*.

Inilah mutiara bicara Nabi s.a.w. bahawa ketakwaan tidak terbatas kepada ruang tempat dan batasan masa. Ketakwaan itu mengalir di dalam jiwa kita dan tidak boleh dipisahkan dalam apa jua keadaan.

Walaupun bagaimanapun, terdapat sebahagian orang cuba memomokkan kita dengan sangkaan bahawa kita tidak dapat hidup sebagai Mukmin yang bertakwa dan sempurna keimanannya kecuali jika kita berada di dalam sebuah “khilafah”, atau apa yang dikenali sebagai “daulah Islamiah”. Seolah-olah takwa hanya wujud di dalam daerah “daulah Islamiah” sahaja. Berdasarkan sangkaan mereka itu, ada yang melaungkan slogan kononnya jika kita tidak berusaha untuk berperang atau melakukan jihad bersenjata untuk menegakkan “daulah Islamiah”, maka kita ini telah kafir. Lebih daripada itu, mereka malah menghukumkan bahawa sekadar tidak ada keinginan untuk tinggal di bawah sistem “khilafah” atau “daulah Islamiah” sahajapun, sudah menjatuhkan kita menjadi kafir.

Saudara yang dirahmati Allah,

Seperti yang telah dijelaskan di dalam khutbah minggu lalu, terdapat sebahagian konsep di dalam agama kita yang memerlukan kepada penelitian yang mendalam dan kefahaman yang luas. Ini agar kita mampu memahaminya secara tepat dan menyeluruh. Ia memerlukan kita untuk turut memahami latarbelakang konsep-konsep tersebut, mengambil kira faktor sejarah, keadaan sosio-politik pada zaman yang berkenaan, dan sebagainya. Menerima bulat-bulat sesuatu konsep yang rumit tanpa memahami hakikatnya, latarbelakangnya dan juga matlamatnya, adalah satu kesilapan yang akan hanya membawa kerosakan. Apatah lagi apabila konsep-konsep seperti “khilafah” dan “daulah Islamiah” ini dijulang dengan

penuh kekerasan mengikut kefahaman songsang yang disalah tafsirkan oleh kumpulan-kumpulan yang mempunyai kecenderungan melampau.

Saudaraku,

Seluruh umat Islam sepakat bahawa Islam adalah panduan bagi kehidupan manusia. Namun di dalam membincangkan isu kenegaraan dalam Islam, ramai para ulama masa kini mempertikaikan pandangan yang mengatakan bahawa mewujudkan “daulah Islamiah” adalah kewajipan yang utama dan mendesak. Para ulama malah menegaskan bahawa dalam kebanyakan konteks kehidupan dunia hari ini, tiada keutamaan pun untuk membincangkannya.

Memang benar, para sahabat Nabi telah melaksanakan system “khilafah” setelah kewafatan Baginda. Tetapi para ulama menegaskan bahawa bentuk pelaksanaannya bukan untuk dicetak dan ditiru sepenuhnya begitu sahaja sepanjang zaman. Sejarah Islam yang berjalan begitu lama menunjukkan betapa banyak penyesuaian yang dibuat dari satu zaman ke satu zaman demi menegakkan ciri dan mencapai matlamat yang dikehendaki syara’.

Saudara-saudara sekalian,

Konsep kenegaraan dalam Islam tidak diukur keislamannya hanya dengan menggunakan nama “khilafah” atau gelaran “daulah Islamiah” semata-mata. Apatah lagi jika di dalam

sistem itu meluas kezaliman, penindasan, rasuah, kemunduran, ketidakcekan dan sebagainya. Sebaliknya, yang menjadi kayu ukurnya ialah prinsip-prinsip serta nilai-nilai sejagat sepertimana yang digariskan di dalam Al-Quran dan sunnah, seperti keadilan, kesaksamaan, musyawarah antara yang memerintah dan rakyat (atau bahasa Islamnya; Shura), budaya menghidupkan amal soleh, kecekapan pentadbiran, semangat ilmu pengetahuan dan yang seumpamanya.

Oleh itu, keutamaan bagi setiap Mukmin ialah untuk memurnikan Islam di dalam kehidupan. Suburkan Islam di dalam diri, keluarga dan masyarakat kita, saudara. Islam mengajar kita untuk membangunkan takwa sepanjang masa. Takwa yang membuat kita mampu melaksanakan kebaikan dan menyebarkan nilai-nilai mulia di mana sahaja kita berada. Manfaatkanlah sebaik mungkin usia yang ada. Carilah apa yang terbaik buat diri kita agar ia dapat meninggalkan kesan yang positif dan membina kepada diri sendiri dan juga masyarakat amnya. Rasulullah s.a.w bersabda:

خَيْرُ النَّاسِ أَنْفَعُهُمْ لِلنَّاسِ

Yang bermaksud: *“Sebaik-baik manusia adalah mereka yang paling banyak memberi manfaat kepada manusia”*. [Hadith riwayat Al-Tabrani]

Memberi manfaat kepada manusia boleh dilakukan dalam apa jua bentuk, sama ada dalam bentuk wang, pengetahuan,

tenaga atau sebagainya. Ini semua dengan tujuan agar akhirnya kita meraih keredhaan Allah s.w.t. Namun ia perlu bermula dari dalam diri kita. Didorong ketakwaan yang menghiasi jiwa. Ciri-ciri zahir dan luaran yang Islamik, seperti “daulah Islamiah” yang kita bicarakan tadi, seharusnya merupakan cerminan kepada kemurnian Islam yang terlebih dahulu wujud utuh dan indah di dalam jiwa umat. Ia tidak boleh sebaliknya. Ketakwaan yang utuh dan keperibadian yang mulia tidak boleh tertakluk hanya apabila aspek zahiriyyah kehidupan manusia dan dunia sudah sedia Islamik.

Semoga Allah s.w.t. membimbing kita semua ke jalan yang benar dan merahmati segala usaha kita untuk bertakwa sebaik mana yang kita mampu. Sesungguhnya Dia yang Maha Pembimbing lagi Maha Merahmati. Amin.

بَارِكْ اللَّهُ لِي وَلَكُمْ فِي الْقُرْآنِ الْعَظِيمِ، وَنَفَعَنِي وَإِيَّاكُمْ بِمَا فِيهِ مِنَ  
الآيَاتِ وَالذِّكْرِ الْحَكِيمِ، وَتَقَبَّلْ مِنِّي وَمِنْكُمْ تِلَاوَتَهُ إِنَّهُ هُوَ السَّمِيعُ  
الْعَلِيمُ، أَقُولُ قَوْلِي هَذَا وَأَسْتَغْفِرُ اللَّهَ الْعَظِيمَ لِي وَلَكُمْ، وَلِسَائِرِ  
الْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ، وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ، فَاسْتَغْفِرُوهُ يَا  
فَوْزَ الْمُسْتَغْفِرِينَ وَيَا نَجَاةَ التَّائِبِينَ.